

Singapura tolak hak Malaysia bina separuh jambatan

SINGAPURA 3 April - Singapura tidak dapat menerima bahawa Malaysia berhak membuat keputusan sendiri membina separuh daripada jambatan menggantikan Tambak Johor kerana tindakan itu juga mempunyai kesan terhadap republik itu, Parlimen diberitahu hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Luar Kedua, Raymond Lim, berkata sebarang langkah merobohkan tambak berusia 81 tahun itu di kawasan Malaysia akan melibatkan kedua-dua negara termasuk paip yang membekalkan air ke Singapura.

"Singapura tidak akui Malaysia mempunyai hak membuat keputusan sendiri merobohkan tambak di kawasannya dan menggantikannya dengan jambatan separuh. Pendirian ini sentiasa disampai-

kan menerusi saluran diplomatik," katanya ketika menjawab soalan di Parlimen hari ini.

Lim berkata pendirian itu diambil setelah pihak berkuasa Singapura mendapat nasihat pakar perundangan.

"Apa juga kerja besar di tambak itu, yang juga mempunyai paip bekalan air kepada Singapura, akan memberi kesan kepada Singapura dan Malaysia dalam beberapa perkara yang penting bagi kedua-dua negara," katanya.

Cadangan menggantikan tambak itu dengan sebuah jambatan, dengan kos di bahagian masing-masing ditanggung oleh negara masing-masing, kini dirundingkan antara Malaysia dan Singapura.

Malaysia berkata jambatan itu bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan

UM - 4/4/2006
lalulintas di tambak itu yang kini digunakan oleh 60,000 kenderaan setiap hari, tetapi dapat juga meningkatkan kualiti air di Selat Johor dan sekitarnya kerana jambatan yang baru itu akan membolehkan air mengalir di bawahnya.

Apabila perbincangan berlarutan tanpa sebarang persetujuan, Malaysia membuat keputusan meneruskan rancangannya membina jambatan itu di kawasannya sendiri. Keputusan membina separuh daripada jambatan itu, yang kini dikenali sebagai "jambatan indah", dianggap oleh Singapura sebagai boleh mendatangkan implikasi serius.

Malaysia berkata ia berhak membina separuh daripada jambatan itu kerana ia terletak dalam wilayahnya.

"Singapura telah meminta Malaysia

menjelaskan pendiriannya secara rasmi berhubung jambatan separuh itu. Pada waktu yang sama, Singapura akan terus berunding dengan Malaysia tentang kemungkinan membina sebuah jambatan penuh bagi menggantikan tambak sedia ada, berdasarkan manfaat yang seimbang," katanya.

Lim berkata cadangan pembinaan sebuah jambatan penuh akan melibatkan perbelanjaan tinggi tanpa memberi banyak manfaat kepada Singapura.

"Bagaimanapun, atas semangat kejiranan, Singapura sedia menimbang cadangan Malaysia untuk menggantikan tambak sedia ada dengan sebuah jambatan penuh yang lurus sekiranya kedua-dua pihak mendapat manfaat yang setara," katanya.

- Bernama